

Pertandingan Golf Amal Malaysia 2006 dilancar

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam melancarkan Piala Perdana Menteri bagi Pertandingan Golf Amal Malaysia 2006 anjuran Pertubuhan Alumni Kelab-kelab Umno Luar Negara.

Beliau melancarkannya di lobi Ibu Pejabat Umno, Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC) di sini, sebelum mempe-
ngkerusikan mesyuarat Majlis Ter-
tinggi Umno.

Turut hadir pada majlis pelan-
caran itu ialah Timbalan Perdana
Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Pengerusi Jawatankuasa Golf
Amal Malaysia 2006-Piala Perdana
Menteri, Datuk Suhaimi Abdullah
dalam kenyataan berkata, kejoha-
nan itu akan diadakan 1 Julai ini di

Kuala Lumpur Golf & Country
Club.

Katanya, ia membabitkan tetamu
khas termasuk Najib, Menteri-men-
teri Besar, Menteri, tokoh korporat
serta ahli alumni Kelab Umno Luar
Negara.

Beliau berkata, pertandingan golf
amal itu bertujuan mengumpul da-
na untuk alumni dan badan keba-
jikan.